

Penyampai : DATO' SERI DR. SITI HASMAH BT HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYERAHAN KUNCI KOMPLEKS PENYAYANG BAKTI KEPADA JABATAN
KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA
Lokasi : SG. BULOH, SELANGOR DARUL EHSAN
Tarikh : 03-07-2001

Ingin saya memanjatkan terlebih dahulu kesyukuran saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia rahmat dan restu-Nya sahaja dapat kita berjumpa pada pagi yang bersejarah bagi BAKTI hari ini. Majlis ini adalah penyempurnaan amanah yang telah diberikan kepada kita semua yang terlibat, yakni upacara penyerahan kunci Kompleks Penyayang BAKTI (KPB) di Sungai Buloh ini.

2. Bagi pihak BAKTI sebagai penganjur Majlis ini, saya mengalu-alukan kehadiran semua tetamu dan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

3. BAKTI merupakan sebuah badan NGO dengan lambang "Bersatu, Berjasa, Berbakti". Kami sentiasa cuba untuk memmanifestasikan cogan kata ini sebaik mungkin dengan memberi keprihatinan kepada golongan yang memerlukan bantuan daripada BAKTI, khususnya, golongan kanak-kanak yatim atau cacat dan mereka yang kurang bernasib baik. Merekalah sasaran BAKTI sejak BAKTI ditubuhkan pada 1977.

4. Hari ini, BAKTI amat berasa bangga kerana falsafah perjuangan BAKTI dapat dibuktikan dalam bentuk yang lebih jelas, yakni dengan membina sebuah Kompleks yang akan menempatkan golongan sasaran perhatian BAKTI. Kompleks ini dinamakan Kompleks Penyayang BAKTI (KPB).

5. Falsafah di belakang pembinaan Kompleks ini ialah memberi tempat untuk kanak-kanak yatim yang akan dijaga oleh seorang Ibu Pelihara yang dipilih daripada Ibu-ibu Tunggal. Di dalam kawasan Kompleks ini juga ditempatkan warga tua, lelaki dan perempuan. Perancangan sebegini akan mewujudkan konsep kekeluargaan di mana ada golongan kanak-kanak, ibu-ibu dan orang-orang tua.

6. BAKTI sangat menyedari bahawa pembinaan Kompleks Penyayang BAKTI tidak akan berjaya tanpa perkongsian bestari (smart partnership) antara Kerajaan, NGO dan pihak swasta. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah menyumbangkan sekeping tanah dan mengesyorkan BAKTI sebagai NGO, membina sebuah Kompleks Penyayang. BAKTI menerima syor itu dengan baik, lebih-lebih lagi apabila Tetuan Yarisan menawarkan diri untuk membiayai dan membina Kompleks ini. Perancangan bermula pada tiga tahun dahulu, dan dengan penggemblengan tenaga dan komitmen daripada berbagai pihak, sama ada individu atau organisasi, upacara pecah tanah dilakukan pada 24 September 1998 dan bermulalah pembinaan bangunan-bangunan Kompleks ini.

7. Bagi pihak BAKTI, saya ingin menyatakan rasa penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak, dari peringkat Kerajaan Pusat, Negeri dan Daerah hingga ke berbagai pihak swasta yang memberi sumbangan dalam bentuk kewangan, barangan untuk melengkapkan setiap bangunan dalam Kompleks ini. Tenaga usaha yang mereka hulurkan kepada BAKTI amat disanjung tinggi. Senarai terlalu panjang tetapi saya ingin sebutkan juga penghargaan dan terima kasih BAKTI kepada:-

a) Encik Wan Hamizan dan Encik Ong dari CWW Arkitek yang telah bersama BAKTI menempuh ranjau dan duri semasa pembinaan Kompleks ini. Mereka berdua memastikan bahawa Kompleks Penyayang BAKTI siap dibina walau apapun berlaku.

8. Kepada Jabatan-jabatan Kerajaan yang turut sama memberikan sumbangan khidmat nasihat dan kerjasama mereka umpamanya:

b) Jabatan Kerja Raya dengan para arkitek mereka yang memberi khidmat membentuk pelan kasar Kompleks ini dari mula;

c) Jabatan Kebajikan Masyarakat yang tidak jemu-jemu, sama memantau perkembangan kemajuan Kompleks ini;

d) Kementerian Tanah dan Wilayah - pemilik asal tanah ini; e) Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan Pejabat Daerah Petaling;

f) Jabatan Pertanian Selangor dan Pejabat Pertanian Gombak;

g) Tenaga Nasional, Telekom dan Bomba;

h) Jabatan Landskap Negara yang mencantik dan menceria-kan Kompleks ini;

i) Yang Berbahagia Dato' Heliliah, Penasihat Undang-undang BAKTI;

j) Jawatankuasa Projek KPB yang bertungkus-lumus bermesyuarat kerap kali, khasnya saya ingin sebut Yang Berbahagia Datin Dr. Mizan. Daripada beliau saya dapat laporan-laporan mengenai perkembangan pembinaan Kompleks ini dari mula hinggalah kini.

9. Bangunan dan kompleks yang dibangun indah tidak akan memberi erti jika pengurusan dan pelaksanaannya tidak diurus dengan baik. Di hari penyerahan kunci kompleks yang bersejarah ini, saya mengambil kesempatan untuk turut sama menyatakan apakah harapan BAKTI kepada kompleks ini. Saya sangat mengharapkan agar kompleks ini dapat menjadi lambang rasa prihatin bukan sahaja BAKTI, malah negara kepada masyarakat kita yang kurang bernasib baik. Kompleks ini saya harap dapatlah menjadi kompleks kebanggaan kita yang dapat diketengahkan ke seluruh negara dan juga menjadi contoh kepada rumah-rumah kebajikan di negara ini.

10. Konsep kekampungan yang dibina diharapkan dapat menjadi contoh untuk dipertontonkan kepada masyarakat luar negara yang datang melawat ke sini.

11. Di samping konsep pembinaan yang ideal, saya mengharapkan pengurusan yang baik agar kompleks ini dapat dibanggakan. Tumpuan kepada penyempurnaan pelengkapan fizikal sahaja, juga mungkin kurang maknanya sekiranya pengisian kepada pembangunan insan yang hidup di dalamnya diabaikan. Oleh itu saya juga berharap, apabila kompleks ini beroperasi, pengisian penyempurnaan insan haruslah seimbang dengan perancangan yang lain.

12. Kita berharap, anak-anak yang tinggal di sini akan diberikan pendidikan akademik, agama, sosial, dan kemahiran-kemahiran agar mereka dapat keluar daripada pusingan kemiskinan dan kesukaran yang mereka hadapi kini, dan mereka pula dapat menjadi masyarakat yang memberi, bukan sahaja menerima.

13. Oleh itu, saya percaya ahli lembaga pelawat yang akan membantu mentadbir kompleks ini bersama-sama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memberikan perhatian yang serius dalam merancang perjalanan kompleks ini agar ianya seimbang daripada segi kemudahan dan perkembangan fizikal, perkembangan intelektual, kematangan emosi, kecerdikan rohani dan kemahiran untuk hidup.

14. Dengan harapan-harapan tersebut bagi pihak BAKTI saya ingin menyerahkan kunci KPB ini kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan doa semoga KPB ini akan berjalan dengan baik dan sempurna di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Insyaa-Allah.